



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

NOTA KEPADA PENGARANG

KEPADA SEMUA KETUA PENGARANG/ EDITOR/ KETUA BIRO

Tuan/ Puan,

JEMPUTAN MEDIA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CEPA DAN PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPWSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) akan menganjurkan **Program CEPA dan Penghijauan Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026** di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL), Hutan Simpan Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Program berkonsepkan karnival ini diadakan bagi menyokong agenda Penghijauan Malaysia serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan secara lestari, di samping mempromosikan TERKL sebagai destinasi ekopelancongan, pendidikan alam dan rekreasi berasaskan hutan bandar.

3. Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan sepanjang program antaranya pameran Penghijauan Malaysia, demonstrasi dan aktiviti semaian anak benih, penanaman serta edaran anak pokok, demonstrasi pasukan pemanjat dan perolehan biji benih, Bicara Alam (*Pocket Talk*), Poket *Busking* Lestari, jualan kraftangan dan produk perhutanan serta Pertandingan *Orienteering* Lestari 2026. Program ini turut merangkumi penyampaian hadiah Pertandingan Fotografi “Lensa Hijau” dan penyerahan Surat Pengiktirafan *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) Gold Awards* bagi TERKL.

4. Sehubungan dengan itu, pihak media adalah dijemput untuk membuat liputan sempena **Majlis Perasmian Program CEPA dan Penghijauan Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026** yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 5 September 2026 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dataran Meranti
Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL)
Jalan Bukit Nenas, 50250 Kuala Lumpur.
<https://maps.app.goo.gl/Lch7cu9ECn1HDSK96>
(Pintu masuk berdekatan dengan Galeri Interaktif NRE)
Perasmi : YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Atur Cara : Sila Rujuk LAMPIRAN I

5. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah dijemput untuk menghadiri program ini bagi membuat liputan media. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi **Cik Regina Mariah Jong** di talian **013-385 9933** atau melalui e-mel **regina@forestry.gov.my**, atau **Encik Muhammad Suhaimi Abd Rahman** di talian **011-1981 1202** atau melalui e-mel **suhaimi.rahman@forestry.gov.my**.

Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

**ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CEPA DAN PENGHIJAUAN MALAYSIA
SEMPENA TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026**

Tarikh : 5 September 2026 (Sabtu)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Dataran Meranti
Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL)
Jalan Bukit Nenas, 50250 Kuala Lumpur.
<https://maps.app.goo.gl/Lch7cu9ECn1HDSK96>
(Pintu masuk berdekatan dengan Galeri Interaktif NRE)

MASA	AKTIVITI
8.00 pagi	: Ketibaan Tetamu Jemputan
8.30 pagi	: Ketibaan YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
	- Nyanyian Lagu Negaraku dan Warisan Hijau
	- Bacaan Doa
	- Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Haji Roslan bin Rani Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja
	- Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
	- Sesi Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan Fotografi "Lensa Hijau"
	- Sesi Penyerahan Surat Pengiktirafan <i>Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) Gold Awards</i> bagi TERKL
	- Pelepasan Peserta Pertandingan <i>Orienteering</i> Lestari 2026
	- Minum Pagi dan Persembahan Artis Jemputan
	- Lawatan ke Pameran dan Gerai Jualan
12.30 tengah hari	: Penyampaian Hadiah Pertandingan <i>Orienteering</i> Lestari 2026
1.00 tengah hari	: Bersurai

PELAN LOKASI
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CEPA DAN PENGHIJAUAN MALAYSIA
SEMPENA TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026



Dataran Meranti

Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL)
Jalan Bukit Nenas, 50250 Kuala Lumpur.

<https://maps.app.goo.gl/Lch7cu9ECn1HDSK96>

(Pintu masuk berdekatan dengan Galeri Interaktif NRE)

Koordinat (3.1499° N, 101.7024° E)